

Pelan damai PM selesai 99 peratus masalah MCA

Oleh Ziauddin
Sharuddin

SEREMBAN, Ahad – Pelan damai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menyelesaikan pertikaian dalam MCA mendapat maklum balas positif daripada kalangan pemimpin dan ahli akar umbi parti itu.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, melahirkan rasa gembiranya kerana hampir 99 peratus masalah parti berjaya diselesaikan melalui pelan damai itu.

Bagaimanapun, beliau mengakui masih ada masalah di beberapa negeri belum dapat diselesaikan.

"Saya sangat berharap mereka dapat duduk bersama dan bermuafakat untuk mencari jalan penyelesaian. Kita perlu ikut pelan damai untuk perpaduan dan kekuatan MCA serta BN.

"Pemimpin dan ahli perlu menyejukkan kea-

daan dan lebih sabar," katanya selepas merasmikan Konvensyen MCA Negeri Sembilan di Dewan Perbandaran Seremban, di sini, hari ini.

Dr Ling berkata, perjalanan masih panjang untuk mengatasi masalah yang ada dan setiap ahli tanpa mengira kedudukan dalam parti perlu mematuhi pelan damai itu.

Beliau yang menyifatkan dirinya sebagai 'bapa' dalam parti berazam untuk mewujudkan kasih sayang di kalangan pemimpin parti dan ahli, walaupun menghadapi kritikan dan bantahan.

"Perkara biasa dalam mana-mana keluarga, ada anak yang nakal sedikit. Sebagai bapa, saya tidak terus menghukum atau memarahi, tetapi mendidik anak dengan penuh kasih sayang," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MCA Negeri Sembilan, Datuk Wong See Wah, menyatakan hasrat meletak jawatan yang disandangnya se-

jak 1985 bagi memberi laluan kepada pemimpin muda.

Bagaimanapun, beliau menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti menentukan perkara itu.

Dalam perkembangan lain Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, mendedahkan di Genting Highland beliau menandatangani memorandum pelan damai yang dicadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengembalikan kestabilan dan perpaduan parti itu.

Beliau bagaimanapun menegaskan memorandum asal yang ditandatangani itu berlainan dengan pelan damai yang dilaksanakan sekarang kerana diubah Jawatankuasa Pusat (CC) MCA pada 23 April lalu.

Katanya, perubahan itu termasuk perkara berkaitan pemilihan parti tanpa pertandingan dan mengekalkan kepemimpinan sekarang sehingga 2005.

"Keputusan CC untuk

mengubah memorandum itu dicapai tanpa sebulat suara. Dalam mesyuarat CC itu, kami tidak berbincang mengenai senarai keahlian," katanya.

Beliau berkata, memorandum asal yang ditandatangani itu cuma menyatakan pemilihan parti akan ditangguhkan untuk menyatukan ahli MCA bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Selepas pilihan raya umum, senarai keahlian hantu akan dibersihkan supaya ahli MCA boleh menjalankan pemilihan melalui sistem demokrasi.

"Apa yang kami inginkan ialah pelan damai, tempoh bertenang, menyatu dan mengukuhkan parti serta bersedia membantu Barisan Nasional (BN) menang dalam pilihan raya umum akan datang," katanya ketika merasmikan Konvensyen MCA Pahang di sini, hari ini.

Beliau berkata, berdasarkan pengesahan Timbalan Perdana Menteri, Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi, semua isi kandungan dalam memorandum asal yang ditandatangani itu adalah cadangan Perdana Menteri.

Sehubungan itu, beliau menggesa MCA memberihkan senarai keahlian menggunakan mekanisme dalam parti supaya MCA dihormati ahlinya, masyarakat Cina dan pemimpin BN.

Dalam perkembangan lain Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, mendedahkan di **GENTING HIGHLAND** beliau menandatangani memorandum pelan damai yang dicadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengembalikan kestabilan dan perpaduan parti itu.

Beliau bagaimanapun menegaskan memorandum asal yang ditandatangani itu berlainan dengan pelan damai yang dilaksanakan sekarang kerana diubah Jawatankuasa Pusat (CC) MCA pada 23 April lalu.

Katanya, perubahan itu termasuk perkara berkaitan pemilihan parti tanpa pertandingan dan mengekalkan kepemimpinan sekarang sehingga 2005.

"Keputusan CC untuk mengubah memorandum itu dicapai tanpa sebulat suara. Dalam mesyuarat CC itu, kami tidak berbincang mengenai senarai keahlian," katanya.

Beliau berkata, memorandum asal yang ditandatangani itu cuma menyatakan pemilihan parti akan ditangguhkan untuk menyatukan ahli MCA bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Selepas pilihan raya umum, senarai keahlian hantu akan dibersihkan supaya ahli MCA boleh menjalankan pemilihan melalui sistem demokrasi.

"Apa yang kami inginkan ialah pelan damai, tempoh bertenang, menyatu dan mengukuhkan parti serta bersedia membantu Barisan Nasional (BN) menang

dalam pilihan raya umum akan datang," katanya ketika merasmikan Konvensyen MCA Pahang di sini, hari ini.

Beliau berkata, berdasarkan pengesahan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semua isi kandungan dalam memorandum asal yang ditandatangani itu adalah cadangan Perdana Menteri.

Sehubungan itu, beliau menggesa MCA memberihkan senarai keahlian